

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH	: 1 OGOS 2023
AKHBAR	: BERITA HARIAN
PAUTAN	: <a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/08/1134427/inisiatif-ekonomi-madani-ikut-sasaran-defisit-belanjawan">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/08/1134427/inisiatif-ekonomi-madani-ikut-sasaran-defisit-belanjawan</a>

### Inisiatif Ekonomi MADANI ikut sasaran defisit belanjawan



Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli - Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Kerajaan yakin sasaran defisit belanjawan lima peratus bagi tahun ini mampu dicapai meskipun dengan pelaksanaan inisiatif Ekonomi MADANI yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim minggu lalu.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata hal ini kerana perbelanjaan kerajaan adalah mengikut perbelanjaan yang diluluskan dalam Belanjawan 2023.

Malah, katanya perbelanjaan boleh diutamakan semula dalam bidang yang dirasakan penting untuk merealisasikan Ekonomi MADANI tanpa melepassi had belanjawan yang ditetapkan.

"Saya sangat yakin sasaran defisit lima peratus akan dicapai. Perbelanjaan kerajaan mengikut belanjawan yang diluluskan di Parlimen. Kita tidak akan pandai-pandai berbelanja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Persidangan Cukai Kebangsaan 2023 anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM) di sini, hari ini.

Dalam Belanjawan 2023, kerajaan mensasarkan mengurangkan defisit fiskal 2023 kepada lima peratus berbanding 5.6 peratus pada 2022.

Kerajaan bertekad untuk mencapai tahap defisit fiskal yang mampan dalam jangka masa sederhana dengan sasaran 3.2 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2025 tertakluk pada pertumbuhan ekonomi yang terus kukuh.

Terdahulu, pada sesi panel bertajuk 'Mencapai Kemampanan Ekonomi', Rafizi berkata, kerajaan komited terhadap gaji progresif dan ia adalah keputusan besar berbanding kerajaan sebelum ini yang tidak campur tangan dalam gaji kecuali menetapkan gaji minimum.

Beliau berkata, adalah perlu mencapai keseimbangan untuk reformasi gaji yang tidak melumpuhkan ekonomi negara dan kerajaan juga sedar mengenai kesukaran yang dihadapi perniagaan mikro.

Katanya, objektif akhir adalah diharapkan dalam tiga hingga empat tahun berikutnya adalah mewujudkan bilangan syarikat yang mencukupi menerima pakai perimeter dan pertumbuhan gaji, gaji permulaan dan gandaan gaji yang akan menggerakkan petunjuk ekonomi secara keseluruhan.

"Kita perlu mencapai 'pilihan menyertai secara sukarela' yang kritikal oleh syarikat-syarikat ini. Kemudian, kita akan dapat melihat syarikat itu sendiri akan menawarkan gaji yang lebih baik demi kepentingan mereka. Jika tidak, mereka akan didiskriminasi oleh pekerja dalam pasaran pekerjaan," katanya.

Rafizi berkata, dalam ekonomi yang beralih daripada ekonomi berdasarkan kos rendah kepada ekonomi yang bersaing dengan bakat dan kandungan yang lebih tinggi, manapun syarikat yang tidak mempunyai bakat yang tepat pasti akan rugi dalam jangka masa panjang.

Justeru, beliau berkata, penekanan dan pergantungan kepada bakat menjadi lebih kritikal untuk sesebuah ekonomi mencipta nilai.

"Kami berharap ia akan menggerakkan pasaran pekerjaan untuk membentulkan diri dengan insentif kerajaan dengan menawarkan gaji yang lebih kompetitif.

"Jadi, saya berharap ini dapat menenangkan majikan bahawa ia (gaji progresif) tidak akan membuat anda (majikan) muflis. Ia (gaji) akan menjadi sangat progresif," katanya.